



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



LAKUAN BAHASA BAGI SITUASI FORMAL DALAM
KALANGAN BAKAL GURU BAHASA MELAYU

*LANGUAGE BEHAVIOUR FOR FORMAL SITUATIONS AMONG PROSPECTIVE
MALAY LANGUAGE TEACHER*

Nur Adibah Aqilah Mohd Safiee^{1*}, Nor Azwahanum Nor Shaid²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: adibahaqilahh@gmail.com

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: azwahanum@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.06.2025

Revised date: 16.07.2025

Accepted date: 15.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Safiee, N. A. A. M., & Nor Shaid, N, A. (2025). Lakuan Bahasa Bagi Situasi Formal Dalam Kalangan Bakal Guru Bahasa Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 397-403.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059028

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk lakuan bahasa dalam situasi formal yang digunakan oleh bakal guru Bahasa Melayu. Penekanan utama diberikan kepada bentuk-bentuk lakuan bahasa seperti pengulangan penyoalan semula, penukaran kod, penggunaan bunyi bukan verbal, penggunaan kata ganti nama diri pertama saya serta hentian atau jeda dalam pertuturan. Lakuan bahasa merupakan aspek komunikasi yang bersifat strategik dan berfungsi menyampaikan makna tersirat dalam interaksi terutamanya dalam konteks formal seperti perbentangan, temu bual dan komunikasi bersama pensyarah atau pelatih lain. Sorotan literatur menunjukkan bahasa lakuan bahasa berkait rapat dengan kebolehan pragmatik, kecekapan komunikasi dan kesedaran sosiolinguistik. Selain itu, penekanan kepada pertuturan dalam mengenal pasti strategi interaksi termasuk peranan elemen bukan verbal dalam membantu kefahaman dan penyusunan maklumat. Kertas konsep ini mencadangkan satu kerangka awal untuk menganalisis bentuk-bentuk lakuan bahasa yang digunakan oleh bakal guru dalam konteks formal serta hubung kaitnya dalam pendidikan. Dapatan awal ini dapat menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam berhubung strategi komunikasi formal dalam kalangan bakal guru bahasa Melayu.

Kata Kunci :

Lakuan Bahasa, Bakal Guru, Komunikasi, Ujaran, Situasi Formal, Bakal Guru Bahasa Melayu

Abstract:

This study aims to examine the language acts in formal situations used by prospective Malay teachers. The main emphasis is given to forms of language acts such as repetition of re-questioning, code-switching, use of non-verbal sounds, use of the first personal pronoun I and pauses or pauses in speech. Language acts are a strategic aspect of communication and function to convey implicit meaning in interactions, especially in formal contexts such as presentations, interviews and communication with lecturers or other trainees. The literature highlights show that language acts are closely related to pragmatic abilities, communication competence and sociolinguistic awareness. In addition, the emphasis on speech in identifying interaction strategies encompasses the role of non-verbal elements in aiding understanding and organizing information. This concept paper proposes an initial framework for analyzing the forms of language acts used by prospective teachers in formal contexts and their relevance in education. These initial findings can form the basis for a more in-depth study of formal communication strategies among prospective Malay teachers.

Keywords:

Speech Act, Prospective Teachers, Communication, Speech, Formal Situations, Prospective Malay Teachers

Pengenalan

Lakuan bahasa merupakan tindakan komunikasi yang dilakukan melalui ujaran. Setiap kata yang diungkapkan mengandungi makna dan kesan tertentu. Menurut Searle (1969), individu yang melakukan komunikasi telah pun melakukan satu bentuk tindakan. Lakuan bahasa ialah komunikasi yang melibatkan penggunaan bahasa untuk menyampaikan emosi, tujuan dan maksud tertentu. Tingkah laku atau pergerakan yang dilakukan semasa bertutur juga mempengaruhi lakuan bahasa seseorang. Menurut Bach dan Harnish (1979), setiap ujaran yang dilakukan bukan semata-mata untuk menyampaikan maklumat tetapi melakukan tindak tertentu seperti permintaan, arahan serta pernyataan. Dalam konteks pendidikan, lakuan bahasa diaplikasikan bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Guru hendaklah memastikan murid-murid dapat memahami isi pembelajaran bagi setiap mata pelajaran dengan baik. Oleh itu, guru mestilah memahami dan mengaplikasikan lakuan bahasa dengan tepat bagi menjadikan komunikasi itu lebih berkesan dan sesuai dengan norma serta budaya pelbagai etnik.

Lakuan bahasa melibatkan interaksi antara penutur dan pendengar. Ianya merupakan satu bentuk bahasa yang menghasilkan satu tindakan dan daripada komunikasi. Lakuan bahasa tidak hanya tertumpu kepada pertuturan semata-mata, namun ianya juga melihat bagaimana komunikasi disampaikan, niat dan tingkah laku penutur. Menurut Nasariah Mansor (2010), lakuan bahasa merupakan satu ujaran atau pertuturan seharian yang memberi makna tertentu mengikut konteks yang ditetapkan. Ini membawa maksud lakuan bahasa mempunyai maksud yang tersendiri mengikut niat penutur. Pandangan setiap individu berbeza mengikut konteks nada intonasi penutur ketika berkomunikasi. Menurut Zulkifley (2005) menyatakan bahawa satu proses membuat keputusan boleh dijelaskan dengan interaksi linguistik yang baik.

Sorotan Literatur

Lakuan Bahasa

Lakuan bahasa merupakan satu jenis lakuan yang melibatkan pemilihan unsur. Penutur perlu menentukan penggunaan unsur bahasa yang sesuai mengikut situasi. Tujuan interaksi seorang penutur berubah dan menjadikan bentuk bahasa turut berubah. Menurut Austin, lakuan bahasa merupakan satu ujaran yang terbentuk bukan hanya untuk menyatakan sesuatu namun ianya menunjukkan penutur sedang melakukan sesuatu tindakan. Selain itu, lakuan bahasa sentiasa berlaku dalam komunikasi seharian dalam apa jua medium komunikasi (Aminuddin Saimon, 2019). Menurut Zulkifley (2005) yang memetik pendapat Gumperz (1974), interaksi linguistik boleh diterangkan dengan cara yang paling baik iaitu para penutur memilih daripada pelbagai kemungkinan yang ada, cara untuk menyatakan sesuatu. Lakuan bahasa boleh diklasifikasikan sebagai satu ujaran dua hala dan komunikasi akan tersampai mengikut niat penutur sendiri. Menurut Abd Ganing et al (2018), lakuan bahasa memperlihatkan bentuk-bentuk lakuan seperti ayat perintah boleh wujud dalam pelbagai bentuk.

Selain itu, lakuan bahasa sering berlaku dalam kehidupan harian sama ada secara sedar mahupun tidak sedar. Penggunaan bahasa berdasarkan situasi sama ada formal atau tidak formal mempengaruhi gaya pertuturan penutur. Sebagai buktinya, sebagai bakal seorang guru bahasa Melayu, keyakinan dan penggunaan tatabahasa yang betul menjadi contoh kepada murid-murid. Ini dapat dibuktikan dalam Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail (2013) yang menyatakan seorang guru perlu mempunyai kemahiran dan kecekapan berbahasa dengan baik ketika proses pengajaran bahasa Melayu. Selain itu, kemahiran komunikasi guru yang efektif dapat mengaktifkan penglibatan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kemahiran komunikasi yang baik bukan dinilai daripada tatabahasa dan kosa kata sahaja namun aspek lisan dan pragmatik juga dilihat.

Situasi Formal

Situasi formal merujuk kepada konteks komunikasi yang berlaku dalam situasi rasmi dan terkawal di mana terdapat norma sosial, tatacara dan hierarki tertentu yang mempengaruhi bentuk dan gaya bahasa yang digunakan. Dalam konteks pendidikan guru, bakal guru bahasa Melayu sering berinteraksi dalam pelbagai situasi formal yang memerlukan kebolehan komunikasi yang tepat, berhemah dan bersesuaian dengan konteks. Situasi formal dikenal pasti dalam kalangan bakal guru bahasa Melayu termasuklah perbentangan akademik, temu bual atau sesi refleksi dengan pensyarah, interaksi dalam bengkel profesional atau krusus latihan, praktikum atau latihan mengajar di sekolah, penulisan dan persembahan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Menurut Siti Saniah Abu Bakar (2017), interaksi perbualan antara guru dengan pelajar amat penting dalam membentuk makna dalam sesi pengajaran. Sesi pengajaran dan pembelajaran boleh menjadi seronok jika guru dan pelajar mengetahui asas kemahiran komunikasi dan berbahasa serta mempraktikkannya dalam pelbagai medium (Farizah Hanim, 2010). Memahami konteks formal ini penting kerana ianya menentukan bentuk lakuan bahasa yang sesuai. Penggunaan lakuan bahasa yang tidak sesuai boleh mencerminkan kekurangan kepekaan sosiolinguistik seterusnya memberi kesan kepada kredibiliti bakal guru.

Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1993), guru merupakan faktor utama terhadap pelaksanaan pengajaran bahasa yang menyeronokkan dan berkesan kerana guru merupakan sumber utama bahasa dan pembelajaran bahasa. Bahasa Melayu menjadi medium pengajaran di semua

sekolah kecuali sekolah jenis kebangsaan namun bahasa Melayu menjadi mata pelajaran wajib dipelajari oleh semua pelajar. Menurut Nurhijrah et al (2019), masa yang diperuntukkan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan ialah 160 jam setahun bagi Tahap 1 manakala bagi Tahap 2 adalah 128 jam setahun. Oleh itu, pendedahan dan latihan kepada bentuk lakuan bahasa dalam situasi formal amat diperlukan agar pelatih guru dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan dalam dunia pendidikan sebenar.

Bentuk Lakuan Bahasa

Pengulangan

Bentuk lakuan bahasa yang sering berlaku oleh bakal guru pelbagai etnik ialah pengulangan. Ianya berlaku disebabkan untuk mengukuhkan pendapat serta menguatkan mesej yang disampaikan oleh penutur. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ghazali Lateh (2014), guru yang melakukan sesi peperiksaan serta rakan-rakan panel dalam sesi forum menggunakan pengulangan kata atau kalimat untuk menyakinkan penutur. Bentuk pengulangan yang dilakukan ialah pengulangan turutan iaitu pembuka ujaran berikutnya diambil daripada frasa terakhir dalam ujaran yang pertama. Penggunaan bentuk pengulangan kata mahupun frasa akan memenuhi komponen lain dalam etnografi komunikasi Saville-Troike (2003). Penggunaan lakuan bahasa pengulangan menjadikan pendengar lebih peka dan tidak berlaku salah faham ketika berkomunikasi. Menurut kajian Ghazali Lateh (2014) dalam Tinjauan Interaksi Lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja Malaysia, wujudnya strategi pengulangan kata yang berlaku oleh peserta kajian dalam komunikasi. Pengulangan kata berlaku bagi memastikan tujuan interaksi lisan itu tercapai. Selain itu, pengulangan kata berlaku dalam lakuan bahasa kerana penutur menjadikan perkataan tersebut sebagai satu ingatan. Penutur tidak akan terlupa konteks ujaran dan memudahkan pendengar untuk memahami isi maklumat yang disampaikan oleh penutur.

Penyoalan Semula

Bentuk bahasa yang sering berlaku dalam sesi pengajaran dan pembelajaran ialah penyoalan kembali. Murid mengemukakan soalan kembali yang diberikan oleh guru. Punca berlakunya penyoalan kembali disebabkan oleh kurang perhatian terhadap apa yang dibincangkan dan salah satu usaha pendengar untuk membina satu rangkaian maklumat yang baik. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Ghazali Lateh dan Shamsudin Othman (2014), penyoalan diberikan untuk memberi masa kepada murid untuk menjawab soalan yang diujarkan oleh guru. Namun, murid tidak mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan selepas melakukan penyoalan kembali. Lakuan bahasa yang dilakukan untuk mendapatkan jawapan yang lebih baik dan menjawab soalan. Bakal guru pelbagai etnik juga menggunakan lakuan bahasa penyoalan semula bagi memastikan murid-murid dapat memahami konteks pembelajaran meskipun terdapat perbezaan bunyi bahasa. Hal ini demikian kerana terdapat guru etnik lain yang perlu mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Penggunaan slang bakal guru menjadikan murid kurang memahami dan proses pembelajaran akan menjadi lebih terbatas.

Penyoalan semula berlaku disebabkan oleh beberapa punca seperti penutur sedang membina satu ujaran yang mantap sebelum menjawab soalan dan ketiadaan perhatian semasa komunikasi sedang berlaku. Menurut Ghazali Lateh (2014), penyoalan semula berlaku untuk memberi ruang masa kepada penutur memikirkan jawapan yang sesuai. Ianya merupakan salah satu inisiatif bijak yang berlaku ketika komunikasi yang melibatkan sesi wawancara atau perbincangan kumpulan. Dalam konteks ini, pengulangan semula berlaku tanpa mengambil

masa yang lama sehingga mengganggu proses komunikasi. Semasa berlakunya penyoalan semula, penutur sedang memikirkan jawapan atau ujaran seterusnya bagi memberi respons terhadap soalan.

Penukaran Kod

Penukaran kod atau peralihan kod merupakan satu perkara yang sering terjadi dalam kalangan pendidik dan pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Menurut Puteri Roslina (2004), peralihan kod merupakan satu kaedah untuk mengekod maklumat dalam satu bahasa yang didapati daripada bahasa lain sama ada bahasa Inggeris atau bahasa etnik. Di samping itu, penukaran kod sebagai percampuran unit linguistik seperti klausa, frasa, perkataan, imbuhan atau kata penegas sesuatu bahasa atau dialek dalam ayat sesuatu bahasa yang lain secara bercampur aduk (Faridah Nazir, 2023). Oleh itu, penggunaan bahasa ibunda yang dikuasai sejak azali mempengaruhi komunikasi individu sama ada dalam situasi formal mahupun sebaliknya. Kebolehan individu untuk menggunakan penukaran kod ialah keupayaan kedwibahasaan. Individu mempunyai kebolehan untuk menggunakan dua bahasa dalam satu ujaran. Menurut Saville-Troike (2003), penukaran kod yang berlaku dalam komunikasi merupakan satu mesej yang disampaikan oleh penutur.

Menurut Haizah Bukari dan Norazana Awang (2022), bahasa ibunda yang dipelajari daripada ibu bapa atau orang yang memelihara sejak kecil digunakan oleh seseorang dalam komunikasi harian. Pengaruh bahasa ibunda yang diperolehi sejak kecil akan memberi pengaruh ketika seseorang berkomunikasi. Menurut Spolsky (1998) menyatakan penutur yang menguasai dua bahasa sering bertukar penggunaan bahasa antara kedua-dua bahasa semasa pertuturan berlaku. Namun begitu, penukaran kod berlaku mengikut topik, situasi serta peserta komunikasi. Kebolehan individu yang menguasai lebih dari satu bahasa mempengaruhi lakuan bahasa yang berlaku ketika berkomunikasi. Penutur menggunakan penukaran kod untuk melahirkan idea dalam ayat atau ujaran dengan mencampurkan dua bahasa. Semasa proses ujaran berlaku, penukaran kod sering terlibat kerana penggunaan istilah sesuai dengan wacana interaksi.

Bunyi Bukan Verbal

Bunyi-bunyi yang dihasilkan semasa komunikasi situasi formal namun tidak mempunyai maksud yang tersendiri. Menurut Saville-Troike (2003), bunyi bukan verbal dikategorikan sebagai *backchannel* dalam interaksi yang dihasilkan sebagai respons peserta kajian. Bunyi bukan verbal adalah seperti 'hmm', 'haa', 'ahaa', 'ohh' dan sebagainya. Bunyi yang berlaku tidak memberi maksud yang tersendiri. Ianya berlaku disebabkan oleh kelancaran komunikasi individu yang menjadikan mereka menggunakan bunyi tanpa verbal tanpa sedar. Dalam konteks ini, sebagai bakal seorang guru, penggunaan bunyi bukan verbal yang kurang digunakan menunjukkan individu tersebut yakin dengan pertuturan yang disampaikan. Hal ini demikian kerana penggunaan bunyi bukan verbal ini dianggap sebagai memiliki keupayaan interaksi yang rendah. Ianya tidak sewajarnya berlaku dalam kalangan bakal guru.

'Saya' Sebagai Kata Ganti Nama Diri Pertama

Penggunaan kata ganti nama pertama 'saya' dalam ujaran sering berlaku ketika situasi formal berlaku. Pengulangan 'saya' dalam ujaran menjadikan satu wacana itu kurang gramatis dan ayat menjadi lebih kurang didengari. Sebagai bakal seorang guru, penggunaan kata ganti nama diri 'saya' perlu dikurangkan supaya penyampaian maklumat lebih efektif dan menjadikan pendengar lebih yakin dengan wacana yang disampaikan. Penggunaan unsur tersebut bukanlah suatu wacana yang gramatis kerana dalam situasi formal, hendaklah menggunakan istilah yang

baku dan kurang pengulangan kata yang sama. Menurut Kalthum Ibrahim dan Nur Faezah Kamaruzaman (2017), penggunaan bahasa yang sopan dalam kalangan situasi interaksi bukan sahaja dapat mengekalkan keharmonian malah dapat memupuk budaya menghormati dan meningkatkan adab susila ahli masyarakat umumnya. Oleh itu, bakal guru hendaklah menguasai bahasa yang betul bagi sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lancar sekaligus mencapai objektif pengajaran di sekolah.

Hentian

Hentian merupakan satu tindakan terdiam seketika. Ianya berlaku ketika penutur ketandusan idea atau kehilangan kata-kata. Penutur kehilangan kata-kata disebabkan oleh topik yang dibincangkan kurang dikuasai atau penutur tiada idea mengenai topik yang dibincangkan. Menurut Ghazali Lateh (2014), dalam kajian bahasa, jika dilihat dari sudut metodologi tindakan berdiam seketika sering kali tidak dipandang penting kerana kurang menarik perhatian seperti kesalahan tatabahasa atau kosa kata yang lebih jelas kesilapannya. Dalam situasi formal, bakal guru yang berdiam atau berlaku hentian lebih dari enam saat menunjukkan diri kurang profesional. Hentian yang berlaku disebabkan penutur sedang mencari perkataan yang sesuai bagi menyalurkan maklumat supaya mudah difahami oleh pendengar. Bahasa yang digunakan juga lebih mudah untuk difahami oleh pendengar. Menurut Saville-Troike (2003), tindakan hentian selalunya tidak diberi penekanan kerana ianya sering terjadi dalam kalangan penutur. Namun begitu, tindakan hentian seketika berlaku kerana penutur mempunyai tujuan yang tertentu. Tujuan tersebut dapat dikesan apabila penutur sering melakukan hentian ketika berkomunikasi.

Cadangan Kajian Lanjutan

Bagi melahirkan bakal guru yang lebih professional, satu modul latihan khusus yang menekankan aspek lakuan bahasa situasi formal dalam bahasa Melayu wajar dibangunkan dan diterapkan dalam program pendidikan guru. Modul ini sewajarnya bersifat interaktif merangkumi simulasi sebenar seperti perbentangan, mesyuarat, pengajaran dan perhubungan profesional. Kajian lanjutan bersifat kuantitatif boleh dilakukan bagi mengukur tahap penguasaan dan keberkesanan penggunaan lakuan bahasa formal dalam kalangan bakal guru pelbagai etnik, jantina mahupun latar belakang yang berbeza.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap lakuan bahasa dalam situasi formal dalam kalangan bakal guru Bahasa Melayu pelbagai etnik. Keupayaan untuk berkomunikasi secara formal dengan berkesan bukan sahaja mencerminkan tahap penguasaan bahasa, malah menjadi asas kepada profesionalisme dalam bidang pendidikan. Oleh kerana bakal guru merupakan ejen penyampai ilmu dan budaya, pemerkasaan aspek komunikasi formal amat penting agar mereka dapat menjalankan tugas secara berkesan dalam persekitaran pendidikan yang semakin berbilang kaum dan budaya. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada penambahbaikan kurikulum latihan guru, sekali gus memperkukuh identiti Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang mampu menyatukan masyarakat pelbagai etnik dalam konteks pendidikan.

Perakuan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia dan pensyarah yang terlibat dalam penulisan kertas konsep ini atas bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses penulisan. Tidak lupa juga penulis mengucapkan terima kasih atas sokongan

moral yang diberikan oleh keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan dorongan dan bantuan sepanjang tempoh penyediaan kertas ini.

Rujukan

- Abd Ganing Laengkan, Rohaidah Haron, Ab. Razak Ab. Karim. (2018). Kajian Lakuan Bahasa di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *E-prosiding Seminar Falsafah dan Tamadun*.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol. 3(2), 49-63*.
- Aminnudin Saimon. (2019). Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih. *Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM*.
- Bach, K. & Harnish, R. M. (1979). *Linguistics Communication and Speech Acts. Cambridge & London: The MIT Press*.
- Faridah Nazir. (2023). Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Pertuturan Murid-Murid Asli Suku Kaum Temuan Ketika Pembelajaran Bahasa Melayu. *LSP International Journal, Vol 10(10), 73-90*
- Farizah Hanim Ismail. (2010). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja di Sekolah Menengah: Suatu Cabaran. *Jurnal Linguistik. Vol 10 (edisi khas), 1-17*
- Ghazali Lateh & Shamsudin Othman. (2014). Tinjauan Interaksi Lisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Remaja Malaysia Dari Sudut Etnografi Komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 4(1): 30-40*
- Haizah Bukari dan Norazana Awang Kechik. (2022). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Kemahiran Bertutur Dalam Kalangan Murid India di Sebuah Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 12(1)*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kalthum Ibrahim, & Nur Faezah Kamaruzaman. (2017). Kesantunan bahasa dalam rancangan bual bicara Meletop: Satu kajian sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik, 21(2), 060-068*
- Kamarudin Hj. Husin. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md. Idris. (2016). Interpretasi Guru Bahasa Melayu Terhadap Penyerapan Elemen Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional: Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol.6(1), 1-15*
- Nasariah Mansor, Faizah Ahmad & Yusniza Yaakub. (2010). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Pelajar IPT: Satu Kajian Perbandingan Etnik. *Political Managements and Policies in Malaysia*.
- Nurhijrah Zakaria, Zuria Mamud & Mohd Mahzan Awang. (2019). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Realiti dan Cabaran di Sekolah Pelbagai Etnik.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of communication: An Introduction (3rd edition)*. Oxford: Blackwell Publishing
- Searle, J. (1997). *Speech Act: An Eessay in The Philosophy of Language*. London: Cambridge University Press. (Terbitan Asal Tahun 1969).
- Siti Saniah Abu Bakar. (2017). komunikasi Interpersonal Guru Bahasa di Jerman. *GEMA Online Journal of Language Studies. Vol.13(1), 139-154*